



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN PRODUK PELANCONGAN BERASASKAN CABARAN (PBC) DI TANJUNG MALIM, PERAK

SITI ZUBAIDAH NUR BT MARTHUAN @ CHE WAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS SUKAN SAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 28 (hari bulan) 08 (bulan) 2014.

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI ZUBAIDAH NUR BT MARTHUAN @ CHE WAN M20092001177 FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENILAIAN PRODUK PELANCONGAN BERASASKAN CABARAN (PBC) DI TANJUNG MALIM, PERAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR-NELFIANTY BINTI MOHD RASYID dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN PRODUK PELANCONGAN BERASASKAN CABARAN DI TANJUNG MALIM, PERAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN.

29/8/14
Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Penurah Lagi Maha Mengasihani

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keberkatanNya, akhirnya disertasi ini telah dapat disiapkan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan.

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia disertasi, Prof. Madya Dr. Md. Amin Bin Md. Taff atas bimbingan dan tunjuk ajar serta dorongan beliau sepanjang tempoh penyelidikan ini. Penghargaan juga buat Dr. Nelfianty Binti Mohd Rasyid kerana banyak membantu dalam proses pembetulan disertasi ini di sepanjang ketiadaan penyelia saya. Ribuan terima kasih juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan diatas segala tunjuk ajar dalam memberikan pandangan serta nasihat berguna sewaktu tempoh pembelajaran dan proses penyiapan disertasi ini. Terima kasih kepada Siti Munirah Bt Mohd Ali, Siti Aisyah Mohaini Bt Mohak dan saudara Fajar yang sering menghabiskan masa bersama dalam membantu saya sepanjang proses penyiapan disertasi ini.

Teristimewa juga buat keluarga yang sangat memahami serta sumber semangat dan kekuatan dalam proses penyiapan disertasi ini. Terima kasih buat emak dan ayah Hajah Che Som dan Haji Marthuan@Che Wan kerana begitu bersabar menunggu saya menghabiskan penulisan disertasi ini. Emak dan ayahlah sumber kekuatan dan dorongan sebenar dalam kejayaan menyiapkan disertasi ini.

Tidak dilupakan juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang membantu dalam menyiapkan disertasi ini termasuklah Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM), Pengusaha Tumang Resort, penduduk Kampung Sungai Dara dan Kampung Hulu Piong. Rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama membantu saya semasa kajian lapangan juga sangat saya hargai. Tidak dilupakan juga kepada semua yang terlibat dalam penyiapan laporan disertasi ini samada secara langsung atau tidak langsung, ikhlas ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga semoga apa yang telah dicurahkan itu akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

TERIMA KASIH!





ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah mengenal pasti, menyenaraikan dan mempromosikan lokasi berpotensi untuk dijadikan produk Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) di Tanjung Malim. Bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen, temu bual dan kajian lapangan bagi mengenal pasti kawasan PBC yang berpotensi di sekitar 20km radius dari Tanjung Malim. Seterusnya prestasi setiap kawasan dianalisis menggunakan kaedah *Importance Performance Analysis (IPA)* untuk mengenal pasti kekuatan dan keperluan penambahbaikan setiap lokasi. Kaedah *mapping* digunakan bagi membina sebuah pelan lokasi PBC yang terdapat di sekitar 20km radius dari pekan Tanjung Malim. Data daripada analisis dokumen, temu bual dan kajian lapangan mendapati bahawa Tanjung Malim mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai lokasi PBC. Kajian ini mendapati tujuh buah lokasi yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan PBC iaitu 1) Air Terjun Strata, 2) Sungai Dara, 3) Sungai Bil, 4) Kolam Air Panas Ulu Slim, 5) Tumang Resort, 6) Tasik Ydp, 7) Taman Tasik Embayu (Proton City). Seterusnya Analisis IPA menemui beberapa kekuatan lokasi ini untuk dibangunkan sebagai lokasi PBC iaitu: 1) tarikan semula jadi, 2) alam semula jadi yang masih terpelihara, dan 3) aktiviti PBC yang pelbagai. Selain itu, Analisis IPA juga menemui beberapa kekurangan. Kekurangan yang perlu diperbaiki bagi menjadikan lokasi tersebut sebagai tarikan pelancongan tersebut adalah: 1) infrastruktur yang tidak mencukupi, 2) promosi yang kurang, dan 3) akses yang lemah. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji telah mengemukakan pelbagai cadangan penambahbaikan pembangunan produk PBC di Tanjung Malim. Dapatan kajian ini dapat diaplikasikan oleh pihak yang terlibat seperti Majlis Daerah Tanjung Malim dan Kementerian Pelancongan Negeri Perak bagi membangunkan produk PBC di Tanjung Malim.





EVALUATION OF CHALLENGE BASED TOURISM (CBT) IN TANJUNG MALIM, PERAK

ABSTRACT

The goal of this study was to identify, enlist and to promote the potential of Challenge Based Tourism (CBT) in Tanjung Malim. In order to achieve the goal of the study the researcher used document analysis, interviews and field study in an area of 20km radius in Tanjung Malim. Performance of each area was analysed using Importance Performance Analysis (IPA) to identify strength and improvement required in each location. Mapping method was used to construct a CBT potential location around the 20km radius from the town of Tanjung Malim. Documents analysis, interviews and field studies found that the Tanjung Malim area has a great potential to be developed as a tourism location based on challenge (CBT). This study found seven potential locations to be developed as CBT areas namely 1) Air Terjun Strata, 2) Sungai Dara, 3) Sungai Bil, 4) Kolam Air Panas Ulu Slim, 5) Tumang Resort, 6) Tasik YDP, 7) Taman Tasik Embayu (Proton City). Further analysis of the IPA highlighted the attractiveness of these locations to be developed 1) natural attraction, 2) natural environment still preserved, and 3) various adventure activities offered. In addition, IPA analysis also found some weaknesses, namely the commercialization of these locations. The drawbacks were 1) inadequate infrastructure, 2) lack of promotion, and 3) poor access. Based on the findings, this research suggested various recommendations on improving the development of the CBT in Tanjung Malim. Findings of this study may be applied by the related organizations such as Tanjung Malim District Council and Ministry of Tourism Perak to develop PBC products in Tanjung Malim.





ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Definisi Berasaskan Cabaran (Adventure Based Tourism)	4
1.1.2 Perbezaan Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) dengan Pelancongan Eko	5
1.2 Kawasan Kajian	8
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Matlamat Kajian	11
1.4.1 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Hasil Kajian	14
1.9 Batasan Kajian	15
1.10 Pendekatan Penyelidikan	15



1.10.1	Peringkat 1: Kajian Awal	17
1.10.2	Peringkat 2: Kajian Literatur	17
1.10.3	Peringkat 3: Kajian Lapangan dan Pengumpulan Maklumat	18
1.10.4	Peringkat 4: Analisis Data	19
1.10.5	Peringkat 5: Hasil Penemuan Kajian dan Rumusan	20
1.11	Definisi Operasional	20
1.11.1	Pelancong	20
1.11.2	Pengembaraan	20
1.11.3	Pelancongan Berasaskan Cabaran	21
1.11.4	Pelancong Dalaman	21
1.11.5	Pelancong Domestik	21
1.11.6	Rombongan	22
1.11.7	MDTM	22
1.11.8	UPSI	22
1.12	Rumusan	22
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Sejarah Tanjung Malim	25
2.2.1	Lokasi Geografi dan Bentuk Muka Bumi	26
2.2.2	Sejarah Awal Perkembangan Tanjung Malim	29
2.3	Definisi Pelancongan	32
2.4	Konsep Pelancongan Malaysia	35
2.5	Pelancongan Pengembaraan/ Kembaraan/ Cabaran	38
2.6	Kesan Pelancongan	42
2.7	Perancangan Tarikan Pelancongan	45



2.8	Rumusan	48
BAB 3 METODOLOGI		50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Pemilihan Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.3.1	Data Primer (Pemerhatian Turut Serta)	52
3.3.2	Pemerhatian Tidak Turut Serta	53
3.3.3	Kajian Perpustakaan dan Literatur	54
3.4	Temu bual Separa Berstruktur	55
3.5	Persampelan	58
3.5.1	Peserta Kajian	59
3.6	Kaedah Analisis Data	60
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	69
3.8	Analisis Indeks Persetujuan Koefisien Cohen Kappa	71
3.9	Kesimpulan	73
BAB 4 HASIL KAJIAN		75
4.1	Pengenalan	75
4.2	Analisis Data Temu bual Semi Struktur	78
4.2.1	Potensi Tanjung Malim Sebagai lokasi PBC	78
4.2.2	Lokasi yang berpotensi untuk dimajukan sebagai lokasi PBC	79
4.2.3	Aktiviti PBC yang dapat dilakukan	81
4.2.4	Peralatan untuk melakukan aktiviti PBC dan prasarana yang terdapat di lokasi PBC	85
4.3	Kajian Lapangan / Data primer	87
4.3.1	Air Terjun Strata (Strata Waterfall)	88





4.3.2	Sungai Dara dan Sungai Bil	95
4.3.3	Taman Tasik Embayu/ Tasik Proton City	102
4.3.4	Taman Tasik YDP	106
4.3.5	Kolam Air Panas Ulu Slim dan Tumang Resort	109
4.4	Analisis Deskriptif (kemudahan sedia ada dan aktiviti yang sesuai) Lokasi Terpilih	113
4.5	Analisis Importance Performance Analysis (IPA)	117
4.6	Cadangan Aktiviti Yang Boleh Dilaksanakan	128
4.7	Kesimpulan	129
BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN		130
5.1	Pengenalan	130
5.2	Persoalan Kajian Pertama	131
5.3	Persoalan Kajian Yang Kedua	133
Persoalan kajian yang kedua adalah ingin mengetahui apakah kedudukan koordinat geografi setiap lokasi yang telah dikenal pasti. Bahagian ini akan menjawab persoalan kedua dengan kedudukan koordinat geografi setiap lokasi melalui penghasilan Peta Laluan Lokasi atau produk PBC di Tanjung Malim.		133
5.4	Persoalan Kajian Yang Ketiga	139
Persoalan ketiga adalah mengenai kelemahan dan kekuatan yang dikenal pasti di lokasi tersebut untuk dibangunkan. Potensi kekuatan dan kelemahan lokasi PBC yang telah dikenal pasti melalui analisis IPA dan senarai semak.		139
5.4.1	Air Terjun Strata	139
5.4.2	Taman Tasik YDP	140
5.4.3	Tasik Proton City	140
5.4.4	Sungai Dara	141





5.4.5	Sungai Bil	141
5.4.6	Kolam Air Panas Ulu Slim	142
5.4.7	Tumang Resort	142
5.5	Persoalan Kajian Keempat.	143
5.6	PBC di Tanjung Malim Berdasarkan Model Sistem Pelancongan Gunn dan Var.	144
5.6.1	Promosi	145
5.6.2	Pengangkutan	148
5.6.3	Maklumat	149
5.6.4	Perkhidmatan	150
5.6.5	Permintaan	151
5.7	Cadangan am yang menyentuh beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh individu atau jabatan yang terlibat dalam PBC di Tanjung Malim	152
5.7.1	Aspek Infrastruktur	152
i)	Papan Tanda	152
ii)	Jalan Masuk	153
iii)	Ameniti	153
5.7.2	Aspek Pemasaran dan Promosi	154
i)	Usaha Pemasaran yang Sentiasa Berterusan	154
ii)	Saluran yang Berkesan	155
iii)	Kaedah Komunikasi Pemasaran yang Berkesan	156
5.7.3	Aspek Pengurusan	157
i)	Aspek Hubungan Dengan Pihak Lain	157
ii)	Pemuliharaan	158
iii)	Keselamatan	159



5.8	Cadangan Kajian Akan Datang	160
5.9	Rumusan	160
RUJUKAN		162
LAMPIRAN A		168
LAMPIRAN B		169



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan dalam Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC)	7
Jadual 2.1 Ketibaan dan Kedatangan Pelancong di Malaysia Pada tahun 2000-2011	37
Jadual 3.1 Kategori Maklumat bagi ‘Kajian Pembangunan Produk Pelancongan Berasaskan Cabaran di Tanjung Malim	58
Jadual 3.2 Prosedur <i>Importance -Performance Analysis (IPA)</i> yang dilaksanakan	66
Jadual 3.3 Senarai Semak Empat Ciri Penilaian PBC	68
Jadual 3.4 Skala Nilai Kebolehpercayaan Cohen Kappa	72
Jadual 3.5 Senarai panel pakar analisis persetujuan pembinaan tema dan kualitatif	73
Jadual 4.1 Data yang ditanda dengan alat GPS di Strata Waterfall	89
Jadual 4.2 Data yang ditanda dengan alat GPS di Sungai Dara dan Sungai Bil	95
Jadual 4.3 Data yang dikeluarkan daripada alat GPS di Tasik Proton City	102
Jadual 4.4 Data yang dikeluarkan daripada alat GPS di Taman Tasik YDP	106
Jadual 4.5 Data yang dikeluarkan daripada GPS di Kolam Air Panas Ulu Slim dan Tumang Resort	109
Jadual 4.6 Analisis Deskriptif (kemudahan sedia ada dan aktiviti yang sesuai) Lokasi Terpilih	114
Jadual 4.7 Kolam Air Panas Ulu Slim	118
Jadual 4.8 Air Terjun Strata	119
Jadual 4.9 Sungai Dara	120
Jadual 4.10 Sungai Bil	122
Jadual 4.11 Tasik Proton City	123
Jadual 4.12 Taman Tasik YDP	124



Jadual 4.13 Tumang Resort	125
Jadual 4.14 Analisis IPA Keseluruhan	127
Jadual 4.15 Cadangan Aktiviti PBC	128
Jadual 5.1 Cadangan Aktiviti PBC	143
Jadual 5.2 Kaedah Komunikasi pemasaran yang Berkesan	157



SENARAI RAJAH

Rajah 1.1. Kawasan Kajian	9
Rajah 1.2. Peta Tanjung Malim	10
Rajah 1.3. Carta Alir Kajian	16
Rajah 2.1. Tanjung Malim Dari Ruang Udara Lewat Tahun 1970-an	28
Rajah 2.2. Kawasan Tanjung Malim dan Kawasan Sekitarnya	28
Rajah 2.3. Keadaan Stesen Kereta Api Tanjung Malim Semasa Proses Pembinaan	31
Rajah 2.4. Pengelasan Pelancongan	34
Rajah 2.5. Gambaran Keseluruhan Pelancongan	42
Rajah 2.6. Sistem Pelancongan	47
Rajah 3.1. Rangka Rancangan Temu Bual	57
Rajah 3.2. Matrix of Importance- Performance Analysis (IPA)	67
Rajah 4.1. Kesan Tapak Kaki Harimau	92
Rajah 4.2. Kesan Tapak Kaki Babi Hutan	93
Rajah 4.3. Cadangan Untuk Dinaikkan Papan Tanda Arah	93
Rajah 4.4. Laluan Potensi Untuk Aktiviti Basikal Lasak	93
Rajah 4.5. Papan Tanda Yang Telah Tertanggal dan Rosak	94
Rajah 4.6. Botol Kaca Di Pinggir Air Terjun Strata	95
Rajah 4.7. <i>Papan Tanda Yang Telah Rosak</i>	99
Rajah 4.8. Ruang Gerai Yang Terbiar Dan Tidak Digunakan Lagi	100
Rajah 4.9. Kemudahan Yang Terdapat Di Sungai Bil	100
Rajah 4.10. Dewan Yang Terbiar Di Sungai Bil	100
Rajah 4.11. Pintu Gerbang Yang Menunjukkan Maklumat Mengenai Sampainya Ke Kawasan Perkhelahan Sungai Dara Yang Kurang Jelas	101



Rajah 4.12. Tandas Yang Sudah Tidak Berfungsi Dan Sampah Sarap Yang Ditinggalkan Di Sungai Dara	101
Rajah 4.13. Lampu Yang Masih Di Pasang Pada Waktu Siang	105
Rajah 4.14. Sampah Yang Pengunjung Tinggalkan	105
Rajah 4.15. Papan tanda aktiviti yang dilarang	106
Rajah 4.16. Pengunjung Melakukan Aktiviti Yang Di Larang	106
Rajah 4.17. Alatan Senaman Dan Tapak Kaki Refleksologi Yang Telah Disediakan Oleh MDTM	108
Rajah 4.18. Papan Tanda Yang Disediakan Di Taman Tasik YDP	109
Rajah 4.19. Kawasan Tasik Yang Luas Yang Boleh Digunakan Untuk Berkayak Di Taman Tasik YDP	109
Rajah 4.20. Kawasan Kolam Air Panas Ulu Slim Yang Terbiar	112
Rajah 4.21. Papan Tanda Amaran Yang Kurang Jelas Maklumatnya	113
Rajah 4.22. Kemudahan Bilik Chalet Di Tumang Resort	113
Rajah 5.1. Strata Waterfall	134
Rajah 5.2. Sungai Dara dan Sungai Bil	135
Rajah 5.3. Taman Tasik Embayu @ Tasik Proton City	136
Rajah 5.4. Taman Tasik YDP	137
Rajah 5.5. Kolam Air Panas Ulu Slim dan Tuamang Resort	138
Rajah 5.6. Sistem Pelancongan	145

SENARAI SINGKATAN

MDTM	Majlis Daerah Tanjung Malim
PBC	Pelancongan Berasaskan Cabaran
GPS	<i>Global Positioning System</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SG.	Sungai
IPA	<i>Importance Performance Analysis</i>
WK1	Wakil Pertama
WK2	Wakil Kedua
K.A.P. U. SLIM	Kolam Air Panas Ulu Slim
A.T STRATA	Air Terjun Strata
T.RESORT	Tumang Resort



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan di Malaysia kini dilihat sebagai suatu industri yang begitu dinamik di mana ianya berubah dengan begitu pesat dan pantas tanpa kita sedari. Kerajaan Malaysia juga telah memberikan perhatian yang serius terhadap sektor pelancongan yang bermula sejak tahun 1980-an lagi (Rancangan Malaysia ke-8). Sektor pelancongan mula diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan kerana sektor pelancongan ini merupakan satu industri yang terpenting yang berupaya menyumbangkan pendapatan yang tinggi kepada ekonomi negara. Industri atau sektor berasaskan produk pelancongan ini sememangnya menjanjikan pulangan yang lumayan kepada sesebuah negara yang mempunyai sumber atau produk pelancongan yang pelbagai (Rancangan Malaysia Ke-8).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-8, industri pelancongan telah mengalami pembangunan yang menggalakkan dan menyumbang kepada pendapatan





pertukaran mata wang asing yang tinggi serta menjana perniagaan baru dan peluang pekerjaan. Usaha ini diteruskan menerusi Rancangan Malaysia ke-9 apabila industri pelancongan bakal menjadi sumber pertumbuhan baru yang utama dan pemacu kepada pembangunan sektor perkhidmatan. Tumpuan utama yang akan diberi adalah dalam mempertingkatkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancongan global utama serta mempromosikan pelancongan domestik. Lebih banyak usaha bersepadu akan diambil daripada gabungan penglibatan sektor awam dan swasta untuk menggembelng dan menyalurkan sumber bagi menaiktarafkan infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta membangunkan lebih banyak produk pelancongan yang berbentuk inovatif dan mampan. Antara aktiviti utama dalam pertumbuhan sub-sektor pelancongan negara terdiri daripada industri hotel, kembara dan siar, peruncitan, restoran dan pengangkutan (Rancangan Malaysia ke-9).



pelancongan negara. Bilangan perjalanan pelancongan domestik meningkat sebanyak 30.2% daripada 12.3juta pada tahun 2000 kepada 16 juta pada tahun 2005 (Rancangan Malaysia Ke-9). Hasil daripada pertumbuhan ekonomi, pertambahan masa lapang dan waktu riadah, peningkatan pendapatan dan lebihan pendapatan, perkembangan promosi pelancongan dan aktiviti rekreasi, serta peningkatan kemudahan untuk melancong dan berekreasi, minat untuk membuat lawatan di kalangan masyarakat negara ini terus meningkat (Badaruddin, 2003). Selain itu, kemunculan destinasi tarikan pelancongan yang lebih menarik dari semasa ke semasa turut mempelbagaikan lagi produk-produk pelancongan yang terdapat di pasaran. Dasar kerajaan terhadap pembangunan industri pelancongan bukan sahaja mengarah kepada pembangunan





prasarana, tetapi turut meliputi galakan-galakan untuk berekreasi dan melancong serta penglibatan masyarakat dalam keusahawanan industri pelancongan (Chew, 2009).

Malaysia mempunyai pelbagai sumber alam dan budaya yang unik serta menarik yang dapat dibangunkan sebagai produk-produk pelancongan (Badaruddin, 2003). Antaranya termasuklah destinasi pelancongan alam semula jadi dan eko-pelancongan, pelancongan berasaskan pertanian, program tinggal bersama keluarga, pelancongan warisan dan budaya, pendidikan, hiburan, kesenian, persidangan, insentif, konvensyen dan pameran (MICE), acara sukan antarabangsa dan aktiviti membeli-belah serta rekreasi (Rancangan Malaysia ke- 9).

Malaysia juga merupakan sebuah negara yang masih kaya dengan keindahan alam semula jadi yang turut dikenali dengan keindahan flora dan faunanya. Berikutan hal ini, salah satu cabang atau aspek pelancongan yang perlu kerajaan berikan juga tumpuan serta perhatian yang khusus untuk tujuan pembangunan secara bersepadu adalah pelancongan kembaraan atau cabaran (*adventure tourism*). Hal ini adalah kerana pelancongan berasaskan pengembaraan dan cabaran ini memerlukan pelancong-pelancong melibatkan diri mereka dalam sesuatu aktiviti, sekaligus hal ini akan menyebabkan mereka terlibat terus secara langsung dengan alam persekitaran yang terbabit. Pelancongan berasaskan pengembaraan ini juga dapat membantu negara dalam mengekalkan serta memelihara alam sekitar berbanding aktiviti pelancongan dalam bentuk yang lain.

Di negara kita Malaysia, masih banyak lagi bentuk aktiviti pelancongan berasaskan cabaran (PBC) yang masih lagi belum diterokai serta dipromosikan dengan





baik, malahan negara kita masih mempunyai banyak tempat yang berpotensi besar untuk dimajukan sebagai satu destinasi pelancongan berasaskan cabaran. Tanjung Malim, Perak merupakan salah satu destinasi pelancongan berasaskan cabaran yang masih ramai belum ketahui serta menyedari kewujudannya di negara kita.

1.1.1 Definisi Berasaskan Cabaran (Adventure Based Tourism)

Menurut Mason (2003), pelancongan merupakan satu kajian tentang manusia daripada habitat asalnya yang mana memberi reaksi kepada industri dan kehendaknya serta memberi impak terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran fizikal.

Pelancongan berasaskan cabaran/ pengembaraan telah ditakrifkan dalam pelbagai istilah (Bentley & Walker, 2005). Secara amnya, ianya membawa maksud petunjuk kepada pelancongan komersial di mana tarikan utamanya adalah sesuatu aktiviti yang bergantung kepada ciri-ciri muka bumi semula jadi, kebiasaannya memerlukan peralatan yang khusus, dan menarik kepada pelancong. Oleh kerana sifat pelancongan berasaskan pengembaraan dan cabaran ini begitu pelbagai, maka peserta akan menonjolkan pelbagai motif (Swarbrooke, 2003).

Definisi pelancongan kembara dan motivasi yang sepatutnya adalah untuk pengalaman pelancongan pengembaraan yang menumpukan kepada pelbagai risiko bahaya dan adrenalin. Risiko dan bahaya yang berkaitan dengan potensi untuk kecederaan dan juga kerugian. Pelancongan yang lain





pula menunjukkan sebaliknya iaitu untuk keseronokan, acara yang menarik dan pengalaman yang selamat (Kane, Maurice dan Tucker, 2004).

Pelancongan berasaskan cabaran adalah merupakan suatu aktiviti masa lapang yang berlaku di destinasi yang bukan dari destinasi kebiasaannya, eksotik, jauh atau di hutan rimba. Ianya cenderung dikaitkan dengan tahap aktiviti yang tinggi oleh peserta, kebanyakannya aktiviti di luar. Pelancong berasaskan cabaran menjangkakan diri mereka akan mengalami pelbagai peringkat risiko, kegembiraan dan ketenangan serta akan diuji secara peribadi. Secara amnya, mereka merupakan peneroka kepada bahagian-bahagian eksotik yang belum terusik di muka bumi ini dan juga mencari cabaran peribadi (Novelli, 2005).



1.1.2 Perbezaan Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) dengan Pelancongan Eko

Perbezaan di antara kedua-dua jenis pelancongan ini boleh menjadi satu kontroversi. Hal ini kerana dua jenis pelancongan ini iaitu pelancongan berasaskan cabaran dan pelancongan eko mempunyai persamaan yang banyak pada latar belakangnya. Keduanya berasaskan kepada gaya hidup luar bandar yang berorientasikan orang ramai untuk menghabiskan masa lapang mereka dengan meninggalkan kegiatan harian mereka dengan mendekati alam semula jadi. Oleh itu rekreasi luar merupakan satu faktor yang terkuat dalam pembangunan pelancongan moden (Eagles, 2002). Had yang menentukan kemampuan pelancongan berasaskan cabaran dan pelancongan eko pada masa





yang sama adalah faktor-faktor yang membezakan antara dua terma.

Pelancongan berasaskan cabaran ditakrifkan sebagai:

“Aktiviti luar masa lapang yang berlaku di lokasi yang di luar kebiasaannya dikunjungi, eksotik, jauh, melibatkan beberapa bentuk cara yang tidak konvensional dalam pengangkutan dan cenderung dikaitkan dengan aktiviti peringkat rendah dan tinggi” (Fennel, 2003).

Menurut takrif ini, pelancongan berasaskan cabaran dan pelancongan eko terlibat dalam pertindihan konsep yang menarik. Pendekatan yang membezakan mereka adalah bahawa pelancongan eko lebih berorientasikan pemerhatian alam semulajadi yang pasif sementara pelancongan berasaskan cabaran dicirikan dengan penglibatan dalam aktiviti yang mencabar (Eagles,



Hal ini telah diperdebatkan oleh Fennel (2003), “ia adalah satu risiko yang menjadi peranan utama dalam membuat keputusan untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan berasaskan cabaran dan tambahan pula ianya merupakan aktiviti yang lebih menyediakan tarikan yang dominan dalam mengejar rekreasi berasaskan cabaran dan pelancongan”.

Pelancongan berasaskan cabaran menggunakan alam semula jadi untuk mewujudkan persekitaran cabaran yang perlu bagi menyediakan pengalaman yang menarik serta mendebarkan. Pelancongan eko pula adalah sebaliknya kerana lebih menumpukan kepada aspek pendidikan alam. Secara idealnya,





pelancongan eko cenderung untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran dengan hasil yang diinginkan iaitu menaikkan kesedaran alam sekitar dan ekosistem.

Aktiviti-aktiviti yang terkandung serta sering dilakukan oleh pelancong di dalam pelancongan berasaskan cabaran dipaparkan pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan dalam Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC)

Aktiviti Air	Aktiviti Udara	Aktiviti Darat	
Berlayar	Belon udara	Trip Artik	Pengembaraan Berjalan kaki
<i>Rafting</i>	Lihat Burung-burung	Mendaki	Motosikal
<i>Snorkeling</i>	Lompat Bungee	<i>Skiing</i>	Berjalan kaki
Berkenu	<i>Hang gliding</i>	Trip pacuan 4 roda	Eksplorasi Hutan
Perahu layar	<i>Skydiving</i>	Menunggang Kuda	Berbasikal Bukit
Berkayak	<i>Paragliding</i>	Trips Jejak Alam	<i>Orienteering</i>
		Semula jadi	
Memancing	Payung terjun	Mendaki Gunung	<i>Rappelling</i>
Menyelam		<i>Backpacking</i>	Safaris
<i>Soaring</i>		Berbasikal	Luncur salji
Berlayar		Perkhemahan	Memanah
Berenang		Memburu	Menembak
		<i>Survival and</i>	Kasut roda
		<i>Wilderness Training</i>	
		Luncur Angin	<i>Trekking</i>

Sumber: Ewert, 1989; McMenamin, 1992; Hall, 1992-; Speciality Travel Index, 1992. (diedit oleh Xola 2007).





1.2 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang akan terlibat dalam kajian lapangan ini adalah Tanjung Malim, Perak. Tanjung Malim merupakan sebuah bandar kecil yang lebih dikenali sebagai Bandar Pendidikan. Bidang pendidikan begitu sinonim dengan Bandar Tanjung Malim kerana terdapatnya pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang dahulunya lebih dikenali sebagai Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1912 di awal penubuhannya.

Bandar Tanjung Malim, Perak terletak di selatan Perak, berhampiran dengan sempadan negeri Selangor. Tanjung Malim terletak kira-kira 84km di utara Kuala Lumpur dan 145km ke selatan ibu negeri Perak iaitu Ipoh. Sungai Bernam menjadi garis sempadan antara negeri Perak dan Selangor. Dalam peta, Ulu Bernam dan Tanjung Malim hampir pada titik koordinat yang sama. Tanjung Malim terletak di laluan utama yang menghubungkan Ipoh dan Kuala Lumpur sekiranya lebuh raya tidak digunakan. Tempat yang berhampiran dengan Tanjung Malim adalah Ulu Bernam, Kalumpang, Ketoyong, Behrang, Behrang Ulu, Kampung Kelawar dan Slim River.


Muka bumi Tanjung Malim diiringi oleh Sungai Bernam. Sungai Bernam mengalir ke Kuala Sungai Bernam di Sabak Bernam. Tinggi muka bumi Tanjung Malim 100 m dari atas laut. Bahagian barat Tanjung Malim ialah negeri Selangor iaitu kawasan paya yang luas iaitu Sungai Tengi. Kawasan tersebut telah ditebus gunakan dengan membina saliran dan ditanam dengan kelapa sawit. Dari segi bentuk muka buminya Tanjung Malim adalah merupakan sebuah kawasan yang mempunyai tanah






bercerun landai, tanah tinggi dan dikelilingi bukit bukau iaitu Banjaran Titiwangsa (Mohamad Suhaily & Mazdi, 2003). Purata hujan tahunan yang direkodkan ialah 2573.2 mm dan jumlah paling lebat pada bulan Ogos dan November berdasarkan data daripada Stesen AgroMeteorologi di Trolak Utara. Nilai kelembapan tahunan iaitu 85.2% dan tahap minimum pada bulan Februari dan maksimum pada bulan November iaitu 78.3%. Nilai indeks sinaran matahari pula merekodkan nilai tertinggi pada bulan Februari iaitu 7.4 jam sebulan (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2000).

Selanjutnya, Tanjung Malim juga telah dianggap sebagai ‘Koridor Selatan’ bagi ‘Zon Pembangunan Negeri Perak’. Tanjung Malim juga merupakan sebuah bandar yang ketiga terbesar di daerah Batang Padang dan ke-69 sebagai pusat bandar di Malaysia. Perubahan masa yang berlaku memperlihatkan bandar Tanjung Malim pada masa kini sebagai sebuah bandar yang semakin maju di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) dengan adanya penempatan dan bandar baru seperti Proton City, Malim Prima dan Bandar Behrang 2020 (Majlis Daerah Tanjung Malim, 2011).



Rajah 1.1. Kawasan Kajian
Sumber: Majlis Daerah Tanjung Malim 2012





Rajah 1.2. Peta Tanjung Malim

Sumber: Majlis Daerah Tanjung Malim 2012

1.3 Pernyataan Masalah

Tanjung Malim merupakan kawasan tanah yang bercerun landai yang masih kaya dengan sumber alam semula jadinya. Jika dilihat kepada tempat-tempat menarik di Tanjung Malim, ianya dapat menjadi tarikan kepada pelancong dalam dan luar negara. Walaupun terdapat banyak produk pelancongan berasaskan cabaran (PBC) masih ramai lagi yang masih belum terdedah akan kewujudannya (Majlis Daerah Tanjung Malim, 2012).



Pelancong domestik sendiri masih kurang mengenali tempat-tempat yang menarik di Tanjung Malim. Akibatnya bandar ini tidak dikunjungi dan lokasi menarik tersebut terbiar begitu sahaja. Senario ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan pembangunan ekonomi yang perlahan di Tanjung Malim. Akibat pembangunan yang begitu perlahan di Tanjung Malim, ia sedikit sebanyak telah merencatkan pembangunan infrastruktur yang lain hingga mendorong kepada kemerosotan ekonomi. Jika dibandingkan dengan pembangunan bandar yang lain seperti Jeram Besu, Sungai Itek, dan Kuala Kubu Baru, bandar Tanjung Malim masih lagi ketinggalan dalam pembangunan pelancongan berasaskan cabaran (PBC) ini (Majlis Daerah Tanjung Malim, 2012).

Sehubungan itu suatu langkah proaktif haruslah diambil bagi mengatasi senario yang membantutkan pembangunan di Tanjung Malim yang unik ini. Suatu kajian haruslah dilaksanakan bagi mengenal pasti, mendokumentasikan dan seterusnya mempromosikan produk PBC yang terdapat di Tanjung Malim. Kajian sebegini diharapkan dapat mempromosikan lokasi-lokasi menarik ini kepada pelancong domestik dan antarabangsa, menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan lestari di lokasi tersebut, menyediakan ruang pekerjaan yang berasaskan PBC kepada penduduk tempatan dan sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi di Tanjung Malim.

1.4 Matlamat Kajian

Mengenal pasti, menyenaraikan dan memperkenalkan lokasi berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan berasaskan cabaran (PBC) di Tanjung Malim.





1.4.1 Objektif Kajian

Objektif utama kajian lapangan di Tanjung Malim, Perak ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengenal pasti lokasi untuk aktiviti pelancongan berasaskan cabaran di sekitar radius 20km di Tanjung Malim.
- ii. Membuat prototaip laluan pelancongan berasaskan cabaran di kawasan yang terpilih di Tanjung Malim.
- iii. Membentuk satu maklumat pendokumentasian berkaitan lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai lokasi pelancongan berasaskan cabaran (PBC) dengan maklumat koordinat latitud dan longitud lokasi.
- iv. Mencadangkan aktiviti pelancongan berasaskan cabaran (PBC) yang sesuai untuk dilaksanakan di kawasan PBC yang dikenal pasti dalam kajian ini.



1.5 Persoalan Kajian

- i. Di manakah lokasi yang sesuai untuk aktiviti Pelancongan Berasaskan Cabaran (PBC) di daerah Tanjung Malim?
- ii. Apakah kedudukan koordinat geografi setiap lokasi tersebut?
- iii. Apakah potensi (kekuatan dan kelemahan) lokasi tersebut untuk dibangunkan sebagai lokasi PBC.
- iv. Apakah aktiviti PBC yang sesuai untuk dilaksanakan di lokasi tersebut?





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting untuk dilakukan kerana ianya merupakan satu kajian yang dapat membantu untuk mengenal pasti kawasan yang berasaskan cabaran yang berada dalam lingkungan 20km di Daerah Tanjung Malim. Kajian mengenai produk pelancongan berasaskan cabaran ini akan memberi ruang kepada masyarakat serta pelancong melakukan aktiviti-aktiviti riadah, rekreasi, di samping melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang mencabar seperti mendaki, berkanayak dan sebagainya. Selain itu, mereka akan dapat menghayati keindahan alam semula jadi di Tanjung Malim serta dapat meluaskan pengetahuan tentang sumber alam semula jadinya.

Produk PBC ini, sekiranya dirancang dan diuruskan dengan sebaik-baiknya berupaya untuk menjana ekonomi yang pesat kepada pihak kerajaan, swasta dan masyarakat setempat, selain berperanan sebagai usaha konservasi budaya dan alam sekitar. Kajian ini juga akan dapat membantu kerajaan tempatan khususnya agensi pelancongan, MDTM, penduduk setempat dalam mempromosikan lagi Tanjung Malim serta memberi kemudahan kepada pelancong dalam dan luar negara yang datang dengan adanya peta perjalanan dan lokasi hasil kajian lapangan ini kelak.

Hasil kajian ini kelak bukan sahaja akan dapat membantu memberi maklumat serta informasi berguna kepada MDTM dan agensi pelancongan malahan juga dapat diguna pakai maklumatnya kepada masyarakat setempat, pelancong dalam dan luar negara. Maklumat yang diperoleh merangkumi maklumat tentang prasarana serta kemudahan yang ada di kawasan yang dikenal pasti.





Hasil kajian ini juga dapat digunakan sebagai rujukan kepada pihak yang berminat malahan berguna dalam mempromosikan Tanjung Malim kepada penggemar aktiviti PBC.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan di kawasan sekitar 20 km di daerah Tanjung Malim sahaja. Penumpuan diberikan kepada tempat atau produk yang dikenal pasti mampu dipromosikan sebagai lokasi pelancongan yang berasaskan cabaran di daerah Tanjung Malim.

1.8 Hasil Kajian

Hasil kajian ini kelak adalah merupakan maklumat yang berguna kepada seluruh masyarakat secara amnya dan khasnya kepada warga Tanjung Malim. Antara hasil kajian ini adalah seperti berikut:-

- Dokumentasi lokasi pelancongan berasaskan cabaran dalam lingkungan 20km radius dari Tanjung Malim.
- Prototaip laluan lokasi ke tempat pelancongan yang berasaskan cabaran di Tanjung Malim.
- Pendokumentasian maklumat lokasi berdasarkan koordinat latitude dan longitud bagi senarai lokasi produk PBC berpotensi yang terdapat dalam lingkungan 20km dari kawasan Tanjung Malim.






1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan kawasan yang berada dalam lingkungan 20km dari Tanjung Malim yang berada dalam lingkungan 20km sahaja Lokasi kajian hanya ditumpukan kepada tempat-tempat yang berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan yang berasaskan cabaran. Lokasi yang berpotensi untuk dipilih sebagai produk pelancongan berasaskan cabaran (PBC) ditentukan dengan temu bual awal kepada kakitangan MDTM di bahagian kejuruteraan dan kawalan bangunan serta pengusaha pelancongan persendirian di Tanjung Malim.

1.10 Pendekatan Penyelidikan

Satu rangka kerja penyelidikan dihasilkan sebagai panduan kepada penyelidik dalam menjalankan penyelidikan ini secara teratur. Beberapa strategi digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini di mana pendekatan kajian yang digunakan melibatkan lima peringkat seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.3.





Rajah 1.3. Carta Alir Kajian

Sumber: Olahan pengkaji

Rangka penyelidikan menjadi panduan utama kepada pengkaji dalam menjalankan kajian agar penyelidikan dapat dijalankan seperti yang berikut:

- I. Peringkat 1: Kajian Awal
- II. Peringkat 2: Kajian Literatur
- III. Peringkat 3: Kajian Lapangan dan Pengumpulan Maklumat
- IV. Peringkat 4: Analisis Data
- V. Peringkat 5: Hasil Penemuan Kajian dan Rumusan



1.10.1 Peringkat 1: Kajian Awal

Pada peringkat ini, pembentukan objektif akan ditentukan berdasarkan isu dan masalah yang telah dikenal pasti. Skop kajian akan dirangka agar penyelidikan dapat dijalankan seperti mana yang telah dirancang. Dalam bahagian ini kajian ringkas literatur turut dijalankan.

1.10.2 Peringkat 2: Kajian Literatur

Peringkat ini memerlukan pengkaji untuk berada di kawasan kajian bagi menjalankan sesi temu bual dan merangka peta atau prototaip jalan dan arah kawasan kajian yang terpilih bagi dijadikan data primer. Temu bual separa berstruktur akan dibuat awal agar penentuan lokasi yang berpotensi sebagai lokasi PBC dapat ditentukan hasil daripada temu bual tersebut selain rujukan literatur dan perpustakaan oleh pengkaji.

Peringkat ini penting kerana data dan maklumat yang diperolehi pada peringkat ini akan digunakan untuk dianalisis dalam bahagian seterusnya. Pengumpulan data di bahagikan kepada dua bahagian iaitu data sekunder dan data primer. Kaedah kajian kualitatif akan dibincangkan dengan lebih teliti dalam bab 3.

Kajian pada peringkat ini lebih merupakan kepada pemahaman bidang kajian melalui pembacaan dan rujukan bahan-bahan ilmiah yang dapat membantu dalam menjalankan analisis. Bahan bacaan yang dirujuk adalah



buku-buku rujukan, jurnal-jurnal, keratan akhbar, majalah-majalah, laporan kajian, dan laman web yang berkaitan.

1.10.3 Peringkat 3: Kajian Lapangan dan Pengumpulan Maklumat

Pada peringkat ini maklumat yang diperoleh akan difokuskan kepada kaedah yang berikut:

I. Temu bual separuh berstruktur: Pengkaji menyediakan beberapa soalan yang perlu dijawab oleh wakil daripada Majlis Daerah Tanjung Malim, dan wakil daripada agensi pelancongan Tanjung Malim. Temu bual ini dijalankan secara informal untuk mendapatkan jawapan, penjelasan, dan maklumat-maklumat tambahan yang lebih lanjut berkaitan produk pelancongan berasaskan cabaran di Tanjung Malim ini. Melalui temu bual inilah keputusan memilih lokasi PBC akan ditentukan untuk dijadikan sebagai kajian lapangan dan pemerhatian selain daripada rujukan yang diperoleh daripada kajian literatur serta perpustakaan.

II. Pengumpulan data sekunder: Data ini diambil dari Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM), wakil pihak pengasas pelancongan di Tanjung Malim bagi memperkemaskan lagi data setelah menyemak kekurangan bahan pada pengumpulan data semasa peringkat kedua sebelumnya. Data juga diperoleh daripada laman web MDTM.



1.10.4 Peringkat 4: Analisis Data

Segala maklumat dan data yang dapat dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan teknik dan kaedah bersesuaian. Bagi soalan temu bual data akan dianalisis secara manual iaitu dalam bentuk perihalan mengikut tema-tema dan aspek-aspek yang dikehendaki.

Bagi mendapatkan data primer, pengkaji akan menggunakan bantuan alat *Global Positioning System* model GPSMAP 60CSx serta peta bagi melakarkan peta lokasi yang telah dikenal pasti dapat mempromosikan lagi produk yang berasaskan cabaran di Tanjung Malim. Alat ini akan membantu pengkaji menanda koordinat yang tepat. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas bagi menghasilkan peta maklumat tersebut pengkaji akan meninjau secara terus lokasi yang dipilih. Koordinat yang telah ditanda kemudiannya akan dikeluarkan dan akan diedit dengan menggunakan perisian CorelDRAW X5 untuk disesuaikan dengan foto yang diambil semasa proses pemerhatian dilakukan. Setelah foto dan koordinat yang telah ditanda itu telah digabungkan, perisian *Google Earth* digunakan bagi meletakkan lokasi yang telah di tanda koordinatnya.

Pengkaji akan menganalisis data primer dan sekunder yang diperoleh dengan menggunakan kaedah panduan daripada Miles dan Huberman (2004). Data temu bual akan dianalisis menggunakan pendekatan Miles dan Huberman bagi menjawab objektif dan persoalan kajian bagi mengenalpastian lokasi PBC serta aktiviti PBC. Setelah temu bual serta kajian perpustakaan dan jurnal lalu dibuat, kajian lapangan melalui pemerhatian secara pemerhatian secara





penglibatan dilakukan. Setiap pemerhatian di tanda dengan GPS dan diambil gambarnya.

1.10.5 Peringkat 5: Hasil Penemuan Kajian dan Rumusan

Penemuan kajian adalah merangkumi semua aspek yang telah dianalisis seperti menyenaraikan lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti berpotensi untuk menjadi tarikan pengunjung tempatan serta pelancong. Lokasi terpilih hanya lokasi yang boleh dipromosikan bagi tujuan kajian iaitu mengetengahkan produk pelancongan yang berasaskan cabaran di kawasan sekitar 20km Tanjung Malim sahaja. Hasil kajian lapangan dan pemerhatian secara penglibatan terus ke lokasi PBC yang berpotensi ini akan didokumentasikan.



1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Pelancong

Seorang pelawat yang mengunjungi mana-mana negara, selain alasan pekerjaan dari negara, selain negara tempat ia bermastautin, dengan sebarang alasan, selain alasan pekerjaan dari negara yang dilawati (World Tourism Organization 2001).

1.11.2 Pengembaraan

Satu peluang daripada bahaya atau kerugian; risiko; bahaya; perusahaan industri yang berbahaya atau prestasi yang berisiko (Kamus English Oxford 2000).





1.11.3 Pelancongan Berasaskan Cabaran

Pelancongan pengembaraan telah ditakrifkan dalam pelbagai istilah. Secara amnya, ia bermaksud pelancongan komersial yang mendapat petunjuk di mana tarikan utamanya adalah satu aktiviti luar yang bergantung kepada ciri-ciri rupa muka bumi semula jadi yang secara amnya memerlukan peralatan yang khusus dan dapat menarik pelancong. Pelancong boleh menggunakan peralatan mereka sendiri ataupun sekadar menjadi penumpang (Bentley & Page, 2001). Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini PBC adalah bermaksud pelancongan yang melibatkan aktiviti-aktiviti lasak dan menjurus kepada pembinaan sosial.

1.11.4 Pelancong Dalaman



Merujuk kepada lawatan atau pengembaraan seseorang individu ke destinasi yang sama dalam kawasan destinasi asal mereka. Contohnya, rakyat negeri Kedah yang berasal dari Alor Setar membuat lawatan ke Pulau Langkawi, juga terletak dalam negeri Kedah.

1.11.5 Pelancong Domestik

Merujuk kepada pelancongan dalaman dan dalam negara. Contohnya, sebagai rakyat negeri Perak, kita menerima kunjungan dan lawatan rakyat negeri Melaka. Pelancong Melaka itu dikenali sebagai pelancong domestik.





1.11.6 Rombongan

Pelawat sementara yang menetap kurang 24 jam di destinasi yang dilawati dan bukan untuk tujuan bermalam (termasuk pelancong yang belayar untuk makan angin) (World Tourism Organization, 2001).

1.11.7 MDTM

Majlis Daerah Tanjung Malim. Organisasi kerajaan yang mentadbirkan 11 buah daerah iaitu Tanjung Malim, Behrang, Behrang Ulu, Behrang 2020, Bernam Jaya, Kg. Kelawar, Proton City, Slim, Slim River, Sungkai dan Trolak (Majlis Daerah Tanjung Malim, 2011).

1.11.8 UPSI



Sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terletak di Tanjung Malim.

Dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ditubuhkan dengan nama Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922 (Majlis Daerah Tanjung Malim, 2011).

1.12 Rumusan

Kajian ini berbentuk kualitatif dalam mencapai objektif dengan berkesan. Penyelidikan ini dibuat untuk mengkaji produk pelancongan yang berpotensi untuk dipromosikan dan dimajukan bagi meningkatkan lagi trend pelancongan sebegini pada masa akan datang. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan ekonomi negara serta menjana ekonomi penduduk dan masyarakat tempatan yang berada di Tanjung Malim.





malah turut menyumbang faedah kepada komuniti tempatan dan pemuliharaan alam sekitar. Di harap kajian ini akan dapat memberikan sumbangan kepada Kementerian Pelancongan dalam membangunkan produk-produk pelancongan dan meningkatkan kedatangan pelancong ke Tanjung Malim. Pendokumentasian hasil kajian ini kelak diharapkan dapat membantu semua pihak dalam pencarian maklumat berkaitan PBC di Tanjung Malim.

